

**NO. SOALAN: 41**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD  
[ SHAH ALAM ]**

**TARIKH : 21 MEI 2015**

**RUJUKAN : 7878**

**SOALAN:**

**Tuan Haji Khalid bin Abdul Samad [ Shah Alam ] minta MENTERI  
DALAM NEGERI menyatakan status kes siasatan berikut:-**

- (a) Aminulrashid Amzah; dan
- (b) Datuk Shahrudin Ibrahim, Timbalan Pengarah Jabatan Kastam.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Pihak polis telah membuat siasatan terhadap kes tembak mati melibatkan seorang mangsa penama Amirul Rashid Hamzah. Siasatan berkait Seksyen 11 Repot 3210/2010 di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan kerana membunuh. Mangsa telah meninggal dunia setelah terkena beberapa das tembakan yang dilepaskan oleh anggota polis peronda.**

**Kes tersebut telah dibicarakan dan Mahkamah Seksyen Shah Alam pada 15 September 2011 telah membuat keputusan bahawa tertuduh Koperal Jenain Bin Subi didapati bersalah di bawah Seksyen 304 (a) Kanun Keseksaan dan dijatuhkan hukuman 5 tahun penjara. Rayuan telah dibuat oleh tertuduh di Mahkamah Tinggi Shah Alam dan pada 5 Disember 2012 Mahkamah Tinggi membuat keputusan bahawa tertuduh dibebaskan dan mengenenpikan keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Seksyen. Pihak Peguam Negara telah membuat rayuan di Mahkamah Rayuan dan pada 27 November 2013, Mahkamah Rayuan memutuskan melepaskan dan membebaskan tertuduh dan mengekalkan keputusan Mahkamah Tinggi.**

**Berkaitan kes pembunuhan Timbalan Pengarah II, Jabatan Kastam, Datuk Shaharuddin Ibrahim berlaku pada 26 April 2013 jam 8.15 pagi di susur keluar ke lampu isyarat, Lebu Wawasan, Jalan P7G, Presint 7, Putrajaya. Dalam kejadian tersebut, mangsa telah ditembak**

**sebanyak 3 das oleh dua lelaki menaiki motosikal. Kes disiasat di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan. Pada bulan Jun 2013, pihak polis telah menangkap 2 saspek bagi membantu siasatan tapi tiada keterangan yang mencukupi untuk menuduh saspek tersebut.**

**Seterusnya antara 2 Julai 2014 hingga 5 Julai 2014 tujuh (7) lagi saspek telah ditangkap untuk siasatan. Pihak polis telah menjalankan siasatan rapi ke atas tujuh tangkapan ini dan semua keterangan yang diperolehi serta kertas siasatan telah dirujuk kepada Pejabat Peguam Negara untuk arahan lanjut. Walau bagaimanapun pihak Peguam Negara mendapati keterangan adalah tidak kukuh untuk meneruskan pertuduhan ke atas mana-mana saspek. Siasatan terhadap kes ini masih diteruskan untuk mencari petunjuk baru.**